**PERATURAN PEMARKAHAN**

<table>
<tr><td>1 (a)</td><td>i</td><td>Maksud Sunnatullah:<br>- Sistem dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah terhadap semua makhluk/(1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut.(1m)</td><td>1 isi x 2 m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Dua kesan memahami Sunnatullah:<br>- Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah.<br>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.<br>- Menerima ketetapan Allah dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.<br>- Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.<br>- Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.</td><td>2 isi x 2m<br>= 4 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Perubahan dalam kehidupan seseorang bergantung kepada usaha mereka sendiri.<br>- Orang yang berusaha akan mendapat kejayaan .<br>- Orang yang tidak berusaha akan gagal dalam kehidupan.<br><br>Catatan -Mana-mana isi yang berkaitan dengan sikap berdikari /usaha diterima.</td><td></td></tr>
<tr><td>(b)</td><td>i</td><td>Maksud naungan Allah:<br>- Perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang Mahsyar.</td><td>1 isi x 2 m<br>= 2 markah</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **ii** | **Dua** contoh menyembunyikan sedekah:<br>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian.<br>- Mewaqafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid.<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 1m<br>= 2 markah |
| | **iii** | **Dua** kebaikan menyembunyikan sedekah kepada individu:<br>- Jiwa lebih tenang /(1m) kerana ikhlas melakukan amalan (1m)<br>- Terhindar daripada sifat riak' /(1m) yang boleh menghapuskan pahala amalan.(1m)<br>- Membudayakan sikap merendah diri/(1m) demi kepentingan Islam.(1m)<br>- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah/(1m) kerana sentiasa bersyukur.(1m)<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2m<br>= 4 markah<br>ISI DAN HURAIAN |
| **(c)** | | Dua jenis ibtida'<br>- Ibtida' Hasan<br>- Ibtida' Qabih | 2 isi x 1m<br>= 2 markah |
| **2 (a)** | **i** | maksud al-Muntaqim<br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Pembalas (1m)/ dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.(1m) | 1 isi x 2 m<br>= 2 markah |
| | **ii** | **dua** kefahaman mengenai nama Allah SWT al-Muntaqim.<br>- Allah SWT memberikan pembalasan dengan seksaan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al-Quran.<br>- Allah menimpakan azab dalam peristiwa al-Dukhan dengan kemarau yang panjang kepada golongan yang menolak dakwah Rasulullah SAW<br>- Allah SWT memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya. | 2 isi x 2m<br>= 4 markah |

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **(iii)** | **dua** tindakan yang akan dilakukan oleh orang yang beriman dengan nama Allah SWT al-Muntaqim.<br>- menjaga hubungan baik dengan Allah SWT (1m)/ agar kehidupan diberkati (1m)<br>- menjaga hubungan baik dengan Allah SWT (1m)/ agar silaturahim terjalin (1m)<br>- sentiasa berwaspada dalam melakukan sesuatu tindakan kerana menyedari setiap tindakan akan dibalas oleh Allah SWT.<br>- menghindari perbuatan maksiat / kerana takut dengan pembalasan Allah SWT. | 2 isi x 2m<br>= 4 markah<br><br>isi = 1m<br>huraian = 1m |
| **(b)** | **(i)** | sejarah Syiah.<br>- Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib RA dilantik sebagai khalifah (1m) / selepas Rasulullah SAW dan berkeyakinan bahawa Ahli al-Bait Sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah(1m) | 2 markah<br><br>1 isi X 2 m |
| | **(ii)** | **dua** prinsip utama aliran Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah<br>- Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasulnya secara nas<br>- Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum,iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan dosa besar<br>- Menyanjung Saidina Ali RA secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW<br>- Mengamalkan taqiyyah,iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya<br>- Menambah nama Saidina Ali RA dalam syahadah selepas nama nabi Muhammad SAW | 4 markah<br><br>2 isi X 2 m |

<table>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
<br>Cadangan isi:<br>(jawapan fokus kepada kesan negative)<br>- Merosakkan akidah seseorang<br>- Menimbulkan berbagai keganasan dalam Masyarakat/ mengakibatkan kestabilan politik terancam.<br>- Negara mundur kerana Masyarakat tidak proaktif<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td>3 (a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sembelihan ialah :<br>- Meyembelih haiwan yang halal dimakan dagingnya(1m) dengan cara memutuskan urat halkum dan urat merik. (1m)</td><td>1 isi X 2 m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh menyeksa binatang sembelihan tanpa sebab;<br>- Memenggal leher<br>- mematahkan kaki<br>- Mengheret kaki binatang ke tempat sembelihan<br>- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan Binatang<br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2 isi X 1 m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td>Hikmah sembelihan dari sudut sains ialah :<br>- Membezakan antara daging yang halal dan daging yang haram supaya ibadah diterima.<br>- Menghindarkan diri daripada penyakit yang terdapat dalam binatang seperti toksin dan bakteria yang terdapat dalam darah binatang.<br>- Mempercepatkan proses kematian binatang kerana disembelih secara sempurna.<br>- Daging kekal segar untuk tempoh yang lebih lama kerana darah telah berkurangan pada daging.</td><td>1 isi X 2m<br>Isi<br>= 1 markah<br>Huraian<br>=1 markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud solat sunat istikharah ialah ;<br>- Solat yang dilakukan untuk memohon petunjuk Allah SWT (1m) dalam menentukan pilihan bagi sesuatu perkara. (1m)</td><td>1 isi X 2 m<br>= 2 markah</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Kaifiat menunaikan solat sunat isthikarah ialah:<br>1 Bilangan rakaat : 2 Rakaat<br>2 Cara Pelaksanaan: Bersendirian</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Jenis-Jenis talak ialah:<br>- Talak raj'i<br>- Talak bain</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii)</td><td>Hukum bagi situasi berikut ialah :<br>1. Haram<br>2. Wajib</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(iii)</td><td><u>Rubrik penskoran</u>
<table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Mempunyai pegangan agama yang kukuh<br>- Mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan kekeluargaan<br>- Suami isteri saling bertolak ansur dan bertanggungjawab<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>4 markah</td></tr>
<tr><td>4 (a)</td><td>(i)</td><td>Sejarah penubuhan kerajaan Abbasiyah.</td><td>2isi x 1m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Asal penubuhan:Bersempena nama bapa saudara Rasulullah saw iaitu Al Abbas bin Abd. Mutalib<br>- Pengasas :Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As-Safah<br>- Tempoh memerintah:524 tahun(132h-656h)<br>- Kawasan kerajaan: Meliputi sebahagian besar benua Afrika,Asia dan Eropah<br>- Bilangan Khalifah: 37 orang<br>- Pusat pemerintahan :Baghdad,Iraq<br>- Khalifah terawal:Abu Al Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As-Saffah<br>- Khalifah terakhir :Abu Ismail Muhammad Al Mustaksim bin Harun Ar Rasyid | =2m |
| | **(ii)** | Dua sumbangan khalifah Harun Ar Rasyid bin Muhammad al-Mahdi dalam membangunkan kerajaan Abbasiyah<br>- Memperkasa sistem percukaian Islam berpandukan Kitab Al Kharaj.<br>- Mewujudkan jawatan ketua hakim negara(Qadi Al Quddah)<br>- Membina Baitul Hikmah(perpustakaan agung)<br>- Menjadikan Baghdad sebagai pusat tumpuan perdagangan,keilmuan dan kebudayaan.<br>- Membina kemudahan awam seperti farmasi dan pusat pengajian<br>- Menubuhkan majlis Al Munazarah sebagai pusat penyelidikan ilmu agama. | 2 isi x2 m=4m |
| | **(iii)** | Faktor kemerosotan Kerajaan Abbasiyah dalam aspek social.<br>- Kebajikan rakyat terabai akibat kelemahan pentadbiran khalifah.<br>- Pemberontakan dalam kalangan puak Syiah dan Khawarij sehingga menggangu ketenteraan awam. | 2 isi x2 m=4m |
| **(b)** | **(i)** | Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim | 2 isi x1m=2m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Nama sebenar :Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>- Tarikh meninggal dunia :17 April 1999<br>Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor<br>- Pekerjaan :Pensyarah Kuliah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa,Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br>- Tahap pendidikan :Victoria Bridge School,Singapura,Raffles College,Singapura,Universiti of Cambridge | |
| | **(ii)** | Dua sumbangan Ahmad bin Ibrahim dalam bidang perundangan<br>- Anggota panel pengasas kuliah undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<br>- Pengasas dan penggubal enekman Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991 | |
| | **(iii)** | **Rubrik penskoran** (see table below)<br>Cadangan isi:<br>- Berusaha menuntut ilmu<br>- Menguasai pelbagai ilmu pengetahuan<br>- Mengamalkan akhlak yang mulia.<br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| **5 (a)** | **(i)** | Maksud wasatiah :<br>- Pendekatan yang sederhana / seimbang, adil dan cemerlang | |

**Rubrik penskoran**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dalam setiap tindakan. | |
| | **(ii)** | **Dua** contoh keseimbangan dari aspek jasmani :<br>- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.<br>- Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.<br>- Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia.<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| | **(iii)** | **Rubrik penskoran** (lihat jadual di bawah)<br><br>Cadangan isi:<br>- Memakmurkan bumi mengikut syariat.<br>- Menjauhi diri daripada kezaliman.<br>- Menggunakan harta kekayaan untuk keredhaan Allah.<br>- Ikhlas dalam semua pekerjaan.<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| **(b)** | **(i)** | Maksud alam sekitar :<br>- Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) / yang terdapat | |

**Rubrik penskoran**

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | disekeliling kita (1m) | |
| | **(ii)** | **Dua** adab menjaga alam sekitar :<br><br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam (1m) agar tidak mencemarkan alam (1m)<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam (1m) supaya alam semulajadi dapat dipelihara dan dikekalkan(1m)<br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna (1m) agar tidak terancam dan pupus (1m)<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan (1m) agar khazanah Allah terjaga(1m)<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air (1m) untuk menjimatkan sumber alam(1m)<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam (1m) untuk mewujudkan suasana yang kondusif(1m)<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |
| | **(iii)** | **Rubrik penskoran**<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alas an yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Kemusnahan alam sekitar<br>- Berlaku bencana alam<br>- Kerugian kepada negara<br><br>Catatan -Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**